

# SOLAT TANPA STOKING KAKI, SAH ATAU TIDAK?

Muslimah diwajibkan menjaga auratnya tidak kira di mana juar mereka berada. Aurat wanita adalah meliputi seluruh anggota tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan. Kaki juga merupakan aurat, oleh sebab itu kita digalakkan memakai stoking untuk menutup bahagian kaki.

Namun begitu ada juga hijabi yang bertanya, adakah sah solat wanita yang tidak memakai stoking tetapi memakai kain yang labuh sehingga menutup kakinya?

Dalam hal ini terdapat penjelasan berhubung soalan yang sering menjadi kemesyilan kaum wanita.

Sabda Rasulullah SAW:

**رَامِخْبُ الْإِضْعَاحَةَ الْأَصْمَلَ الْأَبْقَيَ الْ**

"Allah tidak menerima solat perempuan yang sudah haid (baligh) kecuali jika dia memakai khimar." – Riwayat Abu Daud (641)

Imam al-Nawawi berkata:

"Menutup aurat adalah syarat sah solat. Jika



terdedah suatu pun daripada aurat orang yang bersolat tidak sahlah solatnya sama ada banyak terdedahnya atau sedikit, lelaki dan perempuan sama sahaja (wajib menutup aurat)." Rujuk al-Majmu' (3/166).

Mengikut pendapat mazhab al-Syafie, tapak kaki wanita itu dikira sebagai aurat yang wajib ditutup ketika berhadapan dengan lelaki yang bukan muhrim dan juga di dalam solat. Jika tidak ditutup, maka tidak sah solatnya.

Kesimpulannya, sah solat bagi wanita yang tidak memakai stoking tetapi melabuhkan pakaian hingga boleh menutup kaki.

## INFO EKSTRA

**DIBOLEHKAN JIKA  
BERSEMBAH YANG HANYA  
GUNAKAN JUBAH LABUH,  
ASALKAN BAHAGIAN KAKI  
DISARUNG DENGAN STOKING  
PANJANG.**

